

NEWSLETTER

INTEGRASI DATA: SIRI 3


PRIVASI DAN PERKONGSIAN DATA PENTADBIRAN

1

Menerusi Dasar Perkongsian Data Sektor Awam (DPDSA), kerajaan memperkukuh tadbir urus perkongsian data yang selamat, mematuhi perundangan dan efisien merentasi sektor awam. Dasar ini menjadi pemacu kepada aspirasi pendigitalan negara dan pelaksanaan strategi "Cloud-First" ke arah pembentukan ekosistem digital yang mampan, berdaya tahan dan berdaya saing.

STRUKTUR TADBIR URUS PERKONGSIAN DATA PENTADBIRAN

Sebagai agensi peneraju statistik negara, struktur tadbir urus yang jelas dalam pengurusan perkongsian data pentadbiran secara sistematik dilaksanakan. Struktur ini menyokong matlamat DPDSA ke arah perkongsian data selamat dan berintegriti.



TATAKELOLA PERKONGSIAN DATA

Bagi memastikan pelaksanaan perkongsian data sektor awam yang berkesan, DPDSA menetapkan bahawa agensi sektor awam bertanggungjawab menyediakan dan menyelenggara keperluan pemudah cara yang menyeluruh mengikut tatakelola perkongsian data. Tatakelola ini merangkumi lima (5) aspek kritikal iaitu:



AMALAN ANTARABANGSA

2

Praktik antarabangsa menunjukkan bahawa amalan terbaik dalam perkongsian data pentadbiran memerlukan kerangka sistematik yang menyokong integrasi, piawaian serta penggunaan infrastruktur teknologi yang mantap. Pendekatan ini membolehkan pertukaran maklumat berlaku secara lancar, mengurangkan birokrasi sekali gus memaksimumkan nilai data untuk tujuan analisis, dasar atau penyelidikan. Antara contoh amalan di peringkat antarabangsa adalah:

ESTONIA

Information System Authority,
Ministry of Economic Affairs and Communications¹

Menggunakan sistem X-Road untuk integrasi data antara agensi dan meminimalkan birokrasi.

UNITED KINGDOM

Data Standards Authority,
Central Digital and Data Office,
Cabinet Office²

Menetapkan piawaian untuk perkongsian data antara jabatan kerajaan.

NEW ZEALAND

Stats NZ,
Ministry of Statistics,
New Zealand Government³

Menggunakan Integrated Data Infrastructure (IDI) bagi perkongsian data pentadbiran.

STANDARD

Bagi memastikan ekosistem perkongsian data yang selamat, berdaya tahan dan mampan, DPDSA menetapkan keperluan pematuhan terhadap ciri-ciri standard dalam setiap platform perkongsian data. Pasukan perkongsian data di setiap agensi perlu memiliki kefahaman teknikal yang kukuh terhadap teknologi yang digunakan bagi menjamin integriti, kebolehpercayaan dan kelangsungan perkongsian data merentas agensi. Antara elemen standard adalah:



Kerahsiaan



Tidak boleh disangkal



Integriti



Ketersediaan



Kesahihan

AKTA

Akta-akta berikut diguna pakai bagi memberi **asas perundangan, melindungi kerahsiaan** maklumat, menetapkan **tanggungjawab** agensi, serta memastikan perkongsian data dilakukan secara **selamat, telus dan berakauntabiliti**.

01 Akta Perkongsian Data 2025 [Akta 864]

Mengawal selia perkongsian data antara agensi sektor awam persekutuan dengan menetapkan syarat-syarat perkongsian data dalam **keselamatan, akauntabiliti** dan **justifikasi** penggunaan data.

02 Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]

Perkongsian data yang melibatkan **keselamatan negara, pertahanan, hubungan antarabangsa** atau **keselamatan awam** hanya dibenarkan dengan kelulusan rasmi bagi maklumat sulit.

03 Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 [Akta 589]

Mengawal selia **komunikasi, keselamatan data digital**, dan **penguatkuasaan** terhadap pelanggaran semasa perkongsian data.

Sumber:

¹ Republic of Estonia, Information System Authority (RIA)

² Data Standards Authority, Government of United Kingdom

³ Statistics New Zealand, New Zealand Government



DOSM memanfaatkan teknologi terkini untuk memastikan data sentiasa dilindungi semasa proses perkongsian. Ini termasuk:

3

Enkripsi Data

- 01 Data disulitkan (encrypted) semasa transit (penghantaran) dan semasa disimpan untuk mengelakkan akses tidak sah.

Rangkaian Selamat

- 02 Penggunaan rangkaian tertutup atau platform perkongsian data yang dikawal ketat yang mempunyai ciri-ciri keselamatan terbina dalam.

Penilaian Kerentanan dan Ujian Penembusan

- 03 Melakukan audit keselamatan secara berkala untuk mengenal pasti dan membetulkan kelemahan sistem.

PLATFORM PERKONGSIAN DATA PENTADBIRAN KERAJAAN



Platform perkongsian data pentadbiran kerajaan dibangunkan bagi menyokong pertukaran data antara agensi secara selamat, tersusun dan bersepadu. Tujuan utamanya adalah untuk mengurangkan pertindihan data, memudahcara penyediaan perkhidmatan awam, serta meningkatkan kecekapan operasi dan keberkesanan penyampaian dasar kerajaan.

MANFAAT PERKONGSIAN DATA PENTADBIRAN

Perkongsian data merentas agensi semakin signifikan berikutan keperluan sektor awam untuk memperoleh data daripada pelbagai sumber bagi memastikan pelaksanaan fungsi dapat dijalankan dengan lebih lancar dan berkesan, serta mengoptimumkan potensi data sedia ada. Antara manfaat perkongsian data pentadbiran adalah:

Meningkatkan penggunaan data bagi penyelesaian digital

Merealisasikan perkhidmatan awam digital berpacuan data



Meningkatkan penyampaian perkhidmatan sektor awam

Menyokong proses pembuatan keputusan dengan lebih efisien

